

24 SEP 2002
LAW-MGS/I
SYARIKAT M'SIA DIGESA MANFAATKAN GERAN R&D MSC

KUALA LUMPUR, 24 Sept (Bernama) -- Syarikat-syarikat tempatan yang bertaraf MSC digesa supaya memanfaatkan Skim Geran Penyelidikan dan Pembangunan MSC (MGS) yang disediakan oleh kerajaan bagi menjalankan kegiatan-kegiatan R&D, kata Menteri Sains, Teknologi dan Alam Sekitar, Datuk Seri Law Hieng Ding.

Sokongan kejuruteraan dan R&D yang teguh akan membolehkan mereka bersaing di peringkat global.

Walaupun terdapat banyak inisiatif yang telah dilaksanakan oleh kerajaan, namun tradisi penyelidikan masih merupakan sesuatu yang agak baru di Malaysia, katanya ketika menyampaikan ucapannya pada perhimpunan pertama penerima geran berkenaan yang berlangsung di Seri Kembangan dekat sini, hari ini.

Majlis ini merangkumi taklimat mengenai kemajuan dan kejayaan skim tersebut serta bidang-bidang berpotensi baru dan perkembangan MGS.

Law berkata bahawa Malaysia bukan sahaja memerlukan asas perusahaan dan pengetahuan yang kukuh malahan juga budaya R&D yang teguh, yang akan membantu mencetuskan ide, produk dan peluang baru.

Menyedari keadaan ini, industri-industri dinasihatkan supaya bekerjasama rapat dengan institusi-institusi pengajian tinggi untuk mendapatkan tenaga penyelidik-penyelidik yang ada di institusi-institusi itu.

Katanya, dengan cara ini, industri-industri boleh mencapai kemajuan besar dalam kerja-kerja R&D mereka tanpa perlu melabur dalam sumber-sumber manusia.

"Tetapi, dalam jangka panjang, tentulah lebih baik jika industri-industri mempunyai pasukan penyelidiknya sendiri, khususnya selepas pengumuman Bajet 2003 oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad Jumaat lalu, di mana sejumlah RM100 juta diperuntukkan bagi sektor swasta mendapatkan dan melatih penyelidik mereka," katanya.

Beliau menambah kata bahawa MSC telah ditubuhkan sebagai medan bagi kegiatan R&D.

Berdasarkan Kajian Kesan MSC yang dijalankan baru-baru ini, pada tahun 2001, perbelanjaan R&D oleh syarikat-syarikat bertaraf MSC berjumlah RM300 juta.

"Ini merupakan peningkatan besar jika kita bandingkan dengan jumlah pada tahun 1997, di mana jumlah yang dibelanjakan hanyalah RM9.5 juta," katanya.

Sebagai peratusan jualan, pada tahun 2001, syarikat-syarikat bertaraf MSC membelanjakan sebanyak 9.3 peratus berbanding 9.9 peratus oleh syarikat-syarikat IT bertaraf dunia.

Ini, kata Law, menunjukkan bahawa R&D syarikat-syarikat bertaraf MSC berbelanja setanding dengan perbelanjaan syarikat-syarikat ICT dunia.

Dari segi permohonan paten, sebanyak 30 permohonan telah dikemukakan pada tahun 2001, kata Law.

"Diunjurkan bahawa dalam tahun 2002, bilangan permohonan akan meningkat kepada 85 dan selanjutnya kepada 133 pada tahun 2003," katanya.

Beliau menambah kata, untuk menggalakkan lagi perkembangan R&D, kerajaan, melalui Kementerian Sains, Teknologi dan Alam Sekitar telah mewujudkan Skim Geran R&D MSC bagi syarikat-syarikat Malaysia yang bertaraf MSC.

Geran ini menyediakan pembiayaan bagi sehingga 70 peratus daripada

jumlah projek R&D yang dianggarkan dan tanpa mengenakan bayaran balik.

Pada masa ini, geran yang telah diluluskan bagi 29 projek berjumlah RM62 juta, dan daripada jumlah ini, RM32.04 juta telahpun dikeluarkan.

"Dengan tambahan sebanyak RM200 juta yang diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan, kita ingin membiayai lebih banyak projek R&D yang layak dan inovatif dalam MSC," kata Law. -- BERNAMA

TNS SD KY NHD